

24 FEB 2001

UMNO SABAH AKAN TERIMA APA SAHAJA KEPUTUSAN PENGGILIRAN JAWATAN

KOTA KINABALU, 24 Feb (Bernama) -- Ketua Menteri Datuk Osu Sukam berkata Umno Sabah akan mematuhi apa sahaja keputusan yang dibuat oleh Perdana Menteri berhubung penggiliran jawatan Ketua Menteri negeri itu.

"Kami telah memberikan mandat kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ...mesti ada orang yang boleh membuat keputusan (mengenai isu itu)," kata beliau kepada pemberita selepas melancarkan Tahun Sukarelawan Antarabangsa 2001, di sini, hari ini.

Osu berkata selama ini Perdana Menteri membuat keputusan demi manfaat rakyat serta negara dan bukan bagi masyarakat tertentu.

Osu yang juga Pengerusi Perhubungan Umno Sabah berkata semua parti komponen BN Sabah juga diberi peluang saksama untuk mengutarakan pandangan mereka mengenai isu penggiliran jawatan itu kepada Perdana Menteri.

"Saya rasa ini adalah saluran terbaik dan terserahlah kepada Pengerusi BN itu untuk melihat apa komen daripada parti-parti komponen bagi membolehkan beliau membuat keputusan.

"Kita tidak mengharapkan semua pihak mengemukakan pandangan yang sama mengenai isu ini dan terserahlah kepada Perdana Menteri untuk membuat keputusan," katanya.

-- BERNAMA

JS PR